

Pelajar UMS anjur program khidmat sosial

Oleh Johary Indan

bhvarsiti@bhariani.com.my

BH 29.03.2012 9

KUNDASANG: Program khidmat komuniti Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan diteruskan sebagai saluran kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu untuk mengembara sambil mendekati masyarakat luar.

Selain itu, program itu boleh dijadikan pendekatan kepada pelajar UMS menjalankan interaksi dan komunikasi baik dengan penduduk, sekali gus memudahkan mereka memahami isu komuniti.

Pensyarah Program Kerja Sosial UMS, Peter Voo Su Kiong, berkata kegiatan seumpama itu turut memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar universiti itu untuk mempraktikkan teori berkaitan kerja sosial komuniti dan organisasi yang dipelajari dalam bilik kuliah.

"Program itu penting kepada pelajar terbabit dalam mengenali kewujudan profesion kerja sosial, yang sememangnya daya penggerak dalam membantu kebajikan individu dan komuniti.

"Pembabitan dalam program begini juga mendidik peserta menjadi anggota masyarakat berkualiti demi kemajuan dan pembangunan negara. Justeru, kegiatan itu akan berterusan sebagai program wajib tahunan untuk pelajar



PELAJAR UMS yang menyertai program khidmat komuniti di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah.

program kerja sosial UMS," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu ditemui Varsity bersempena dengan program khidmat komuniti UMS, di perkampungan kawasan tanah tinggi Kampung Mesilou, Kundasang, dekat Ranau, baru-baru ini.

Program tiga hari dan dua malam membabitkan 77 pelajar dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS diketuai Nik Hanisah Nik Abu Bakar itu adalah kesinambungan program sama diadakan sejak 2009.

Peter berkata, pengisian kegiatan itu ialah program anak angkat membabitkan 15 keluarga dari Kampung Mesilou, program

motivasi dan latihan dalam kumpulan bersama anak penduduk kampung itu.

"Kegiatan lain dilaksanakan ialah perlawanan bola tampar dan futsal antara peserta program dan penduduk kampung, selain gotong-royong membersihkan kawasan perkampungan etnik Kadazandusun itu," katanya.

Beliau berkata, program itu dinamakan sebagai program mendekati komuniti menjana jati diri cemerlang, bertujuan mewujudkan jalinan hubungan erat pelajar dengan penduduk kampung terbabit.